



KORPORASI PEMBANGUNAN DESA KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai Lesen Perniagaan yang sah dan berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dalam kod yang disebutkan dibawah dan yang masih dibenarkan membuat tawaran sebut harga seperti berikut:

NO. TAWARAN	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TEMPAT MENGAMBIL DOKUMEN SEBUT HARGA
KPD/Q/2026/03	Membekal dan menghantar satu (1) unit <i>Incubator Setter</i> ke Projek Penetasan Ayam Penelur KPD Kabang, Papar.	PUKONSA: (i) Kod Bidang: 120300 (ii) Sijil Taraf Bumiputera (iii) Lesen niaga yang masih sah.	Bahagian Perolehan & Harta, Ibu Pejabat Korporasi Pembangunan Desa, Aras 2, Wisma Pertanian Sabah, Jalan Wisma Pertanian, 88300 Kota Kinabalu.

1.0 Tarikh dan Masa Pengambilan Dokumen : 05 Mac 2026 (Khamis) – 11 Mac 2026 (Rabu)

8.00 pagi hingga 12.30 tengahari (Isnin – Khamis)
8.00 pagi hingga 11.30 pagi (Jumaat)

2.0 Harga Dokumen : RM50.00 (Pembayaran boleh dibuat dalam bentuk Wang Tunai atau Secara Atas Talian sahaja.)
Cek tidak diterima.

3.0 Tarikh Tutup Tawaran : 11 Mac 2026 (Rabu), Pukul 10.00 pagi. Dokumen Sebut Harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

4.0 Semua maklumat yang dikehendaki dalam Dokumen Sebut Harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas. Korporasi Pembangunan Desa berhak menolak mana-mana dokumen sebut harga yang tidak mengemukakan maklumat yang diperlukan. Korporasi Pembangunan Desa juga tidak bertanggungjawab jika maklumat yang dinyatakan tidak jelas/tidak boleh dibaca yang mana menyebabkan penyebut harga gagal mendapat tawaran. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi beserta salinan sijil-sijil/lesen dan dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat **berlakri** dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tawaran di penjuru kiri sudut atas sampul surat dan dialamatkan kepada :

Setiausaha Jawatankuasa Sebut Harga
Korporasi Pembangunan Desa
Aras 2, Wisma Pertanian Sabah,
Jalan Wisma Pertanian, Luyang,
88300 KOTA KINABALU.

5.0 Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat seperti berikut:

Korporasi Pembangunan Desa
Aras 2, Wisma Pertanian Sabah,
Jalan Wisma Pertanian, Luyang,
88300 KOTA KINABALU.

6.0 Para Pembekal/Penyebut Harga **WAJIB** menunjukkan **SIJIL ASAL PENDAFTARAN PUKONSA, Lesen Perniagaan yang masih sah** dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** serta menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil/lesen berkenaan semasa mengambil dokumen tawaran.

7.0 Korporasi Pembangunan Desa (KPD) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

**PENGURUS BESAR
KORPORASI PEMBANGUNAN DESA**